A

Abdul Hadi bin Mohd Ali lwn Saet a/l Tawal

B MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — RAYUAN SIVIL NO 12(B)NCVC-07–11 TAHUN 2016
ABU BAKAR KATAR PK
14 SEPTEMBER 2017

C *Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Tuntutan ganti rugi — Responden dan perayu terlibat dalam kemalangan jalan raya — Mahkamah bicara menetapkan responden dan perayu bertanggungan 50%–50% — Sama ada mahkamah bicara khilaf dalam menentukan isu tanggungan liabiliti dan kuantum — Sama ada ganti rugi yang diberikan oleh hakim bicara munasabah*

D

Perayu dan reponden, kedua-duanya merupakan penunggang motosikal terlibat dalam kemalangan jalan raya. Responden telah memfailkan tindakan di mahkamah sesyen ke atas perayu bagi menuntut ganti rugi am, ganti rugi khas, kadar faedah dan kos. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') memutuskan
E responden dan perayu bertanggungan 50%–50% dalam kemalangan yang berlaku. Tuan HMS telah memerintahkan gantirugi bagi 'severe head injury with quadriparesis' sebanyak RM250,000, kos penjagaan masa hadapan sebanyak RM838,800 dan kehilangan pendapatan sebanyak RM108,000. Tidak berpuas hati dengan keputusan HMS, perayu memfailkan rayuan
F terhadap kedua-dua isu tanggungan dan kuantum manakala responden telah memfailkan rayuan silang.

Diputuskan, mengakas keputusan HMS, membenarkan rayuan perayu dan menolak rayuan silang responden atas isu liabiliti dan kuantum:

G

(1) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan tanggungan 50%–50% tanpa menimbangkan keterangan saksi yang tidak berkepentingan iaitu pegawai penyiasat yang menyatakan kemalangan berpunca daripada responden yang telah mengubah haluan dari kiri ke kanan dan responden
H telah di saman di bawah k 10 Kaedah-Kaedah Lalulintas. HMS gagal menimbangkan fakta tersebut yang menyokong versi perayu iaitu responden secara tiba-tiba mengalih laluan dan ini menyebabkan perlanggaran berlaku dengan motorsikal perayu. Berdasarkan fakta, kecuaian lebih kepada responden. Oleh itu, mahkamah memutuskan
I responden bertanggungan 90% dan perayu 10% (lihat perenggan 12).

(2) Award yang diberikan oleh Tuan HMS bagi 'severe head injury with quadriparesis' sebanyak RM350,000 adalah berlebihan. Mahkamah mengurangkan kepada RM250,000 bagi kecederaan bahagian kepala dan kesan kecacatan yang lainnya dialami oleh responden. Mahkamah

bersetuju dengan award yang diberikan dalam kes *Ang Yee Cheng & Anor v Ang Siang Hock (person under disability suing through Koh Beng Guek, litigation representative)* [2016] 9 MLJ 238 yang telah memberikan award RM250,000 bagi kecederaan yang sama (lihat perenggan 20).

(3) Bagi kos penjagaan, mahkamah dapati RM1200 adalah munasabah bagi pra-perbicaraan dan pasca-perbicaraan. HMS dalam penghakimannya gagal menimbangkan keterangan pakar yang tidak mengesyorkan responden untuk diletakkan di pusat jagaan. Berdasarkan nas-nas yang dirujuk, mahkamah telah menetapkan 'multiplier' sebanyak 262 bulan untuk kos jagaan. Berdasarkan dapatan di atas, mahkamah mengakas keputusan HMS yang memberikan kos jagaan sebanyak RM838,800 (lihat perenggan 22, 27, 29 & 31).

(4) Bagi tuntutan kehilangan pendapatan, berdasarkan fakta kes, tempoh plaintif bekerja tiga hari seminggu atau 13.5 hari sebulan dan bukannya 20 hari sebulan sebagaimana yang diputuskan oleh Tuan HMS dalam penghakimannya. Pendapatan plaintif sebulan RM85 x 13.5 = RM1,147.50 tolak 1/3 = RM765.38. Mahkamah bersetuju dengan multiplier 55 – 39 = 8 tahun (96 bulan) (lihat perenggan 37–38).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant and the respondent, both motocyclists involved in the road accident. The respondent had filed an action in the sessions court on the appellant to claim general damages, special damages, interest and costs. The sessions court judge ('SCJ') held the respondent and the appellant 50%–50% liable in the accident that happen. The SCJ ordered damages for 'severe head injury with quadriparesis' of RM250,000, costs for future care of RM838,800 and loss of earnings of RM108,000. Aggrieved by the decision of the SCJ, the appellant filed an appeal against both the issues on liability and quantum whilst the respondent filed a cross-appeal.

Held, reversing the decision of the SCJ, allowing the appeal of the appellant and dismissing the cross-appeal of the respondent on the issues of liability and quantum:

(1) The SCJ had erred when deciding a 50%–50% liability without considering the testimony of the witness who has no interest ie the investigating officer who stated that the accident was caused by the respondent who had changed from the left to the right lane and the respondent had sued under r 10 of the Rules of the Road Traffic. The SCJ had failed to consider the facts which supported the appellant's version ie the respondent had suddenly changed lanes and this caused the accident to happen with the appellant's motorcycle. Based on the facts, the negligence was more on the respondent. Thus, the court decided that the respondent was 90% liable and the appellant 10% liable (see para 12).

(2) The award granted by the SCJ for 'severe head injury with quadriparesis' for RM350,000 was excessive. The court reduced it to RM250,000 for the head injury and other impairment effects suffered by the respondent. The court agreed that the award granted in the case of *Ang Yee Cheng & Anor v Ang Siang Hock (person under disability suing through Koh Beng Guek, litigation representative)* [2016] 9 MLJ 238; [2015] 10 CLJ 157 where the award of RM250,000 was granted for the same injury (see para 20).

(3) For nursing costs, the court found RM1,200 was reasonable for pre-trial and post-trial. The SCJ in his judgment had failed to consider the expert evidence that did not recommend the respondent to be placed in a care centre. Based on the documents refereed to, the court had set the multiplier of 262 months for nursing costs. Based on the findings above, the court had reversed the decision of the SCJ who granted the nursing costs of RM838,000 (see paras 22, 27, 29 & 31).

(4) For the claim of loss of earnings, based on the facts of the case, the plaintiff had worked for a period of three days a week or 13.5 days a month and not 20 days a month as decided by SJC in his judgment. The plaintiff earned per month RM85 x 13.5 = RM1,147.50 deduct 1/3 = RM765.38. The court agreed with the multiplier of 55 – 39 = 8 years (96 months) (see paras 37–38).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai liabiliti, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2390–2392.

Kes-kes yang dirujuk

Ang Yee Cheng & Anor v Ang Siang Hock (person under disability suing through Koh Beng Guek, litigation representative) [2016] 9 MLJ 238; [2015] 10 CLJ 157, MT (diikut)

Bong Nyi Moi v Narayanasamy & Anor [1973] 1 MLJ 250, MP (dirujuk)

Chandra Sekaran Krishnan Nair & Anor v Ayub Mohamed & Anor [1994] MLJU 82; [1994] 1 LNS 249, MP (dirujuk)

Ismail bin Omar (sebagai bapa yang sah dan wakil diri orang yang tidak berupaya Mohd Helmi bin Ismail) v Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Muda/Sik & Anor [2012] MLJU 1574; [2013] 1 PIR [49], MS (dipertimbangkan)

Kassim B Ibrahim & Anor v Syed Khodri B Syed Abdul Aziz [2009] 2 PIR [25] (dirujuk)

Lai Yew Seong v Chan Kim Sang [1987] 1 MLJ 403; [1987] CLJ Rep 151, MP (dirujuk)

Mohd Radzi bin Othman v Sasitharan a/l Arjuna [2013] 1 PIR [30] (dirujuk)

Muhamad Nur Afizie bin Abdul Aziz v Zulkarnaian bin Abdul Rahman [2012] MLJU 927, MS (dirujuk)

Nazori bin Teh & Anor v Tay Lye Seng & Anor [1995] MLJU 154; [1995] 4 CLJ 740, MT (dirujuk)
Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324, MP (dirujuk)
Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)
Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor [2001] 2 MLJ 275, MT (dirujuk)
Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284; [1968] 1 LNS 61, MP (dirujuk)
Zainab bte Ahmad lwn Keretapi Tanah Melayu Bhd [2000] 5 MLJ 620; [2000] 2 CLJ 117, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Jalanraya Lalulintas 1959 k 10

Hamdi bin Zainol (NM Tiong & Co) bagi pihak plaintif.
Vinod a/l R Kamalanathan (Vinod Kamalanathan & Assoc) bagi pihak defendan.

Abu Bakar Katar PK:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan rayuan oleh plaintif ke Mahkamah Rayuan, Malaysia terhadap keputusan mahkamah ini yang membenarkan rayuan defendan atas isu tanggungan dan kuantum. Mahkamah ini telah membenarkan rayuan defendan atas isu tanggungan. Mahkamah ini mengakaskan keputusan tuan hakim, Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (Tuan HMS itu) yang mengagihkan tanggungan 50% atas plaintif dan 50% atas defendan. Mahkamah ini memutuskan plaintif bertanggungan 90% dan defendan sekadar 10%.

[2] Mahkamah ini turut membenarkan rayuan defendan atas kuantum iaitu kecederaan 'severe head injury' dikurangkan dari RM350,000 kepada RM250,000; kos penjagaan RM1,200 sebulan, multiplier untuk kos penjagaan masa hadapan sebanyak 262 bulan dan multiplicand kehilangan pendapatan RM765 sebulan.

[3] Dalam penghakiman ini, mahkamah ini akan merujuk pihak-pihak sebagaimana perbicaraan di mahkamah rendah.

LATAR BELAKANG KES

[4] Plaintif yang menunggang motorsikal nombor pendaftaran: RD 4301 pada 5 Julai 2014 jam lebih kurang 8.30 pagi telah terlibat dalam kemalangan jalan raya di sepanjang jalan utama simpang Taman Bunga Padi/Jalan Syed Saffi. Kemalangan membabitkan defendan yang menunggang motorsikal nombor pendaftaran: RK 9094.

[5] Plaintif kemudiannya memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan menuntut gantirugi khas, gantirugi am, kadar faedah dan kos (rekod rayuan ('RR') — ms 12–27). Defendan sebagaimana lazimnya melalui peguamnya iaitu Tetuan Hoe & Ahmad Zaki telah mempertikaikan tuntutan plaintif. Peguam defendan kemudiannya telah memfailkan penyata pembelaan (RR — ms 29–31).

[6] Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Tuan HMS. Di akhir perbicaraan, Tuan HMS itu memutuskan plaintif dan defendan bertanggungan 50%–50% dalam kemalangan yang berlaku. Tuan HMS itu memerintahkan gantirugi am atas asas 100% kecuaian iaitu RM953,420.68 dan gantirugi khas sebanyak RM6,851.49, kadar faedah yang lazim dan kos sebanyak RM47,733 (rekod rayuan tambahan ('RRT') — ms 6–9).

[7] Defendan yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu memfailkan notis rayuan atas isu tanggungan dan kuantum (RR — ms 6–8).

MERIT RAYUAN OLEH DEFENDAN

[8] Mahkamah ini akan menyentuh isu tanggungan terlebih dahulu dalam penghakiman ini. Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan di hadapan mahkamah ini, eloklah dirujuk nas-nas duluan yang menetapkan setakat mana mahkamah ini dibenarkan mencampuri atau mengganggu penemuan fakta oleh mahkamah bicara ('trial court') dalam menentukan isu tanggungan dalam kes kemalangan.

[9] Mahkamah ini merujuk kes *Bong Nyi Moi v Narayanasamy & Anor* [1973] 1 MLJ 250 yang menyatakan:

> It has been said that an appellate court should not to interfere with the findings of the trial judge who had the opportunity of seeing and hearing the witnesses and who made, in the context of the present appeal, her findings thereon.

[10] Mahkamah ini selanjutnya merujuk kes *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor* [2001] 2 MLJ 275 yang menyatakan:

> ... the appellate court was entitled to evaluate the evidence by reading the cold print of the appeal record and give due weight to it accordingly.

[11] Pada akhirnya, mahkamah ini merujuk kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 yang telah mengungkapkan pemerhatiannya seperti berikut:

> ... It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case, as here,

the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[12] Berbekalkan nas-nas duluan di atas, mahkamah ini memutuskan plaintif bertanggungan 90% dan defendan bertanggungan 10% berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

(a) Tuan HMS itu memutuskan plaintif dan defendan sama-sama bertanggungan 50%–50% dalam kemalangan yang berlaku. Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu (RRT — ms 10–16) khasnya di ms 12 dimana Tuan HMS itu membuat penemuan fakta dan memutuskan tanggungan 50%–50%. Tuan HMS itu bergantung kepada keterangan saksi bebas Nazrul Azwan bin Ishak ('SD2') yang menyatakan plaintif bergerak dari kiri ke tengah jalan untuk membelok ke simpang sebelah kanan. Juga, kerosakan motorsikal plaintif yang tertumpu dibahagian sisi kanan selari dengan kedudukan motorsikal plaintif berada dalam kedudukan melintang semasa perlanggaran berlaku;

(b) mahkamah ini telah menimbangkan versi kemalangan plaintif iaitu pada tarikh dan masa kemalangan plaintif yang menunggang motorsikal arah Jejawi menuju Taman Bunga Padi. Apabila sampai di Jalan Raja Syed Saffi, plaintif mendakwa memberi isyarat untuk membelok ke simpang Taman Bunga Padi. Semasa membelok tiba-tiba nampak motorsikal defendan yang datang dari arah belakang dengan lajunya dan terus melanggarnya.

Sebaliknya versi defendan sebagaimana berikut: pada tarikh dan masa kejadian, defendan yang menunggang motorsikal hendak pergi ke arah Bintong. Apabila sampai Jalan Raja Syed Saffi berhampiran simpang masuk ke Taman Bunga Padi, beliau mahu memotong motorsikal plaintif yang berada dihadapannya, tiba-tiba plaintif membelok ke kanan. Defendan telah membunyikan honnya dan cuba mengelakkan ke kanan tetapi plaintif terus membelok ke kanan dan melanggar motorsikal defendan;

(c) mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu terkhilaf dalam penghakimannya apabila memutuskan tanggungan 50%–50% tanpa menimbangkan keterangan pegawai penyiasat (Sarjan Mohd Nizar bin Hassan ('SP2'). SP2 telah menyatakan plaintif telah mengubah haluan dari lorong A1–A2 ke lorong A3–A4 (rajah kasar) (RR — ms 152–153). SP2 juga dalam keterangannya menyatakan kemalangan berpunca daripada plaintif yang telah mengubah haluan dari kiri ke kanan. Plaintif

telah disaman di bawah k 10 Kaedah-Kaedah Jalan Lalulintas 1959;

(d) mahkamah ini berpendapat SP2 merupakan seorang saksi yang tidak berkepentingan. Beliau telah menjalankan siasatannya dan mencadangakan plaintif dituduh atas kesalahan gagal mengawal kenderaannya iaitu di bawah k 10. Mahkamah ini berpendapat kes ini di 'DNAA' kerana waran tangkap tidak dapat dilaksanakan terhadap plaintif. Tuan HMS itu gagal menimbangkan fakta ini yang menyokong versi defendan iaitu plaintif yang secara tiba-tiba mengalih laluan dan ini menyebabkan perlanggaran berlaku dengan motorsikal defendan;

(e) mahkamah ini turut menimbangkan semasa pemeriksaan semula atas SP2 (RRT—ms 29–30), seolah-olah peguam plaintif bersetuju dengan hasil siasatan SP2. Peguam plaintif semasa melakukan pemeriksaan semula telah mengajukan soalan seperti berikut:

> Q: Mengikut siasatan Sarjan, Sarjan katakan kemalangan berlaku sebab penunggang motorsikal RD 4301 menukar haluan dari lorong A1–A2 ke A2–A3. Cuma nak pengesahan, tiada kesan calar dari laluan A2 ke A3 betul?

(f) mahkamah ini juga berpendapat Tuan HMS itu gagal menimbangkan keterangan plaintif yang mengakui ada melihat motorsikal defendan di belakang, namun plaintif masih meneruskan niatnya untuk membelok memasuki lorong di sebelah kanan menuju Taman Bunga Padi. Mahkamah ini merujuk keterangan plaintif ('SP5') di ms 37 RRT yang menyatakan:

> Q: Jadi sebelum kamu belok, kamu tengok belakang?
>
> A: Saya nampak motosikal dari cermin pandang belakang sebelum membelok.
>
> Q: Kamu ada nampak dari cermin pandang belakang ada motosikal datang dari arah belakang, adakah kamu menoleh belakang?
>
> A: Tidak menoleh belakang. Cuma pandang cermin belakang.
>
> Q: Kamu pandang cermin belakang, nampak ada motosikal datang dari belakang, kamu masih membelok ke kanan?
>
> A: Saya nampak tapi masih membelok.

(g) mahkamah ini berpendapat tindakan plaintif yang menyedari kehadiran motorsikal defendan dari arah belakang, plaintif masih meneruskan tindakannya membelok ke kanan. Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu gagal menimbangkan keterangan ini semasa beliau memutuskan tanggungan 50%–50%;

(h) mahkamah ini juga berpendapat Tuan HMS itu telah menimbangkan kerosakan kenderaan plaintif yang tertumpu di sebelah kanan, ia menyokong versi defendan iaitu plaintif telah mengubah haluan secara tiba-tiba. Tuan HMS itu telah terkhilaf apabila masih membuat keputusan 50%–50%, walhal sepatutnya tanggungan kecuaian lebih kepada plaintif dan mahkamah ini memutuskan 90% bertanggungan;

(i) mahkamah ini telah menimbangkan keterangan saksi bebas ('SD2') dimana saksi ini sebaik memberi keterangan dalam pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas terhadap saksi ini tidak sempat dihabiskan (RRT — ms 52–56). Mahkamah ini berpendapat tanpa keterangan SD2 ini sekali pun, terdapat keterangan lainnya sebagaimana yang disentuh sebelum ini secara jelas menyokong versi defendan;

(j) mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu gagal menimbangkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lai Yew Seong v Chan Kim Sang* [1987] 1 MLJ 403; [1987] CLJ Rep 151 menyentuh isu cuai sumbangan. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Lai Yew Seong*, dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan ada dinyatakan seperti berikut:

> I found the rider negligent in overtaking without ensuring whether it was safe to do so, and that he should have seen the oncoming lorry too in view of the insignificant obstruction of the view in front caused by the small size of the said car which was a Toyota Corolla. He further failed to wait to ascertain first the intention of the driver who had switched on his trafficator light signal before deciding to overtake the said car. He was travelling too close to the said car.

(k) secara analogi, mahkamah ini berpendapat tindakan plaintif yang mengubah haluan secara tiba-tiba walaupun menyedari kehadiran defendan, kecuaian lebih kepada plaintif dan bukannya 50%–50% sebagaimana yang diputuskan oleh Tuan HMS itu; dan

(l) mahkamah ini memutuskan tanggungan defendan 10% sebagaimana yang dicadangkan oleh peguam defendan yang terpelajar dalam hujahan bertulisnya di ms 22 di perenggan 25 yang menyatakan:

> 25 ... Oleh yang demikian, tiada apa-apa tanggungan liabliti yang harus ditanggung oleh Perayu atau secara alternatifnya dalam kes seperti ini, Perayu hanya patut didapati 10% bersalah.

[13] Mahkamah ini akan beralih kepada isu kuantum yang dirayu oleh defendan.

A GANTIRUGI AM BAGI KECEDERAAN

Severe head injury with quadriparesis

[14] Tuan HMS itu telah memberikan award RM350,000 bagi kecederaan
B ini. Sebaliknya peguam defendan telah mencadangkan RM250,000. Beliau telah merujuk kes-kes *Mohd Radzi bin Othman v Sasitharan a/l Arjuna* [2013] 1 PIR [30] (award RM100,000); *Ismail bin Omar (sebagai bapa yang sah dan wakil diri orang yang tidak berupaya Mohd Helmi bin Ismail) v Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Muda/Sik & Anor* [2012] MLJU 1574; [2013] 1 PIR
C [49] (award RM350,000); dan *Ang Yee Cheng & Anor v Ang Siang Hock (person under disability suing through Koh Beng Guek, litigation representative)* [2016] 9 MLJ 238; [2015] 10 CLJ 157 (award RM250,000).

[15] Peguam plaintif yang terpelajar menghujahkan award
D RM400,000–RM450,000 bagi kecederaan ini. Beliau bergantung kepada nas-nas *Kassim B Ibrahim & Anor v Syed Khodri B Syed Abdul Aziz* [2009] 2 PIR [25] (award RM350,000); dan *Muhamad Nur Afizie bin Abdul Aziz v Zulkarnaian bin Abdul Rahman* [2012] MLJU 927, (Unreported Mahkamah Sesyen Alor Setar, Kedah Darul Aman, Guaman Sivil No 53–870 Tahun 2010)
E (award RM400,000).

[16] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu gantirugi am ini, eloklah dirujuk kes *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284; [1968] 1 LNS 61 yang memberikan panduan apabila mengarap isu gantirugi seperti berikut:
F

> So far as this court is concerned we should, to paraphrase Greer LJ in *Flint v Levell* [1935] 1 KB 354, 360 be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount
G awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate court will follow in the light of the special facts of each particular case.

H **[17]** Mahkamah ini turut merujuk kes *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324 yang mengariskan prinsip yang seharusnya dipertimbangkan dalam menentukan jumlah award atau kuantum seperti berikut:

I

> It has to be *borne in mind* that damages for personal injuries are not punitive and still less a reward. They are simply compensation that will give the injured party reparation for the wrongful act and for all the natural and direct consequences of the wrongful act, so far as money can compensate. *British Transport Commission v Gourley* and *H West & Son Ltd v Shephard* [1963] 2 All ER 625. The award under general damages should be a global sum commensurate with the injury sustained

and not a full compensation which might result *in ruinous* consequences to the defendant.

[18] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman Tuan HMS itu (RRT — ms 13) berkaitan gantirugi am ini seperti berikut:

> ... Mahkamah ini memutuskan mengikut kepada kes *Ismail bin Omar v Pengarah Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Muda/Sik & Anor* [2013] 1 PIR [49] di mana award yang diluluskan pada keadaan yang lebih kurang sama juga diputuskan 3 tahun lepas di mana RM350,000 di awadkan sebagai gantirugi am. Mahkamah berpendangan awad ini lebih munasabah dan hampir pada tahun ini. Dalam keadaan ini, RM350,000 yang diberikan sebagai gantirugi am ini adalah tidak berlebihan atau berkurangan.

[19] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu bergantung sepenuhya kepada kes *Ismail bin Omar* dalam menentukan award RM350,000. Setelah mengamati kecederaan yang dialami dalam kes kes *Ismail bin Omar* ia melibatkan 'severe head injury resulting in bilateral optic atrophy (both eyes legally blind), loss of brain tissue, deceased hearing in both ears, difficulty in talking normally, in ability to walk, and mentally very slow'. Sebaliknya dalam kes plaintif sekarang, kecacatan yang dialami tidak seteruk dalam kes kes *Ismail bin Omar*.

[20] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan yang terpelajar, award yang diberikan oleh Tuan HMS itu sebanyak RM350,000 berlebihan. Mahkamah ini mengurangkan kepada RM250,000 bagi kecederaan bahagian kepala dan kesan kecacatan yang lainnya dialami oleh plaintif. Mahkamah ini bersetuju dengan award yang diberikan oleh YA Wong Teck Meng PK dalam kes *Ang Yee Cheng & Anor* telah memberikan award RM250,000 bagi kecederaan yang sama.

KOS PENJAGAAN MASA HADAPAN

[21] Tuan HMS itu dalam penghakimannya (RRT — ms 14) telah membenarkan kos penjagaan masa hadapan secara global berjumlah RM838,800. Tuan HMS itu memutuskan multiplicand RM3,000 sebulan iaitu tempoh lima tahun di rumah dan bakinya 20.3 tahun dirumah jagaan.

[22] Mahkamah ini berpendapat pihak-pihak tidak mempertikaikan plaintif perlu penjagaan akibat kecederaan yang dialaminya. Mahkamah ini berpendapat sebelum tempoh perbicaraan, keterangan SP4 perlu diterima iaitu penjagaan di rumah. Mahkamah ini mengambil kira kes *Ismail bin Omar* di mana dalam tahun 2013, kos penjagaan RM800 diberikan. Mengambil kira keputusan kes plaintif sekarang, mahkamah ini berpendapat RM1,200 sebulan adalah munasabah.

[23] Bagi pra perbicaraan, mahkamah ini membenarkan RM1,200 x 26 bulan = RM31,200. Kadar faedah 2.5% setahun mulai 5 Julai 2014 hingga tarikh penghakiman (26 September 2016).

PASCA PERBICARAAN

[24] Peguam plaintif yang terpelajar telah menghujahkan ibu angkat yang berusia 81 tahun tidak akan dapat menjaga plaintif untuk tempoh pasca perbicaraan. Beliau menghujahkan berpandukan keterangan SP1, plaintif perlu diletakkan di pusat jagaan dan kos yang diperlukan RM4,699.50 sebulan (RR — ms 125). Sebaliknya untuk kos jagaan di rumah dianggarkan RM3,142.20 sebulan.

[25] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan yang terpelajar iaitu SP4 semasa memberi keterangan tidak menyatakan beliau tidak sanggup menjaga plaintif. SP4 bukan seorang yang menjaga plaintif sebaliknya mendapat bantuan abang angkat dan anak lelakinya. Tuan HMS itu gagal menimbangkan keterangan plaintif di ms 35–39 RRT, plaintif dalam keterangannya langsung tidak menyatakan hasratnya untuk dijaga di pusat jagaan.

[26] Mahkamah ini juga berpendapat keterangan SP1 (RRT — ms 23), secara terang-terangan menyatakan jagaan oleh ahli keluarga lebih baik berbanding di pusat jagaan. Mahkamah ini memetik keterangan SP1 yang menyatakan seperti berikut:

> Q: Layman such as family members and neighbours can continue to take care of the patient at home?
>
> A: This patient can be managed at home.
>
> Q: Continued loving care and attention by family members is very important for this patient from psychological aspects, so that this patient does not feel neglected or abandoned by his family members?
>
> A: From psychological point of view, home care is better.
>
> Q: Psychologically it is better to be able to live with his family members as compared to living with strangers at nursing care?
>
> A: Any conscious patient would prefer to be at home.

[27] Mahkamah ini juga berpendapat Tuan HMS itu dalam penghakimannya gagal menimbangkan keterangan Dr Vikneswaran daripada Universiti Malaya sebagaimana yang tertera dalam laporan pakar ('P2'). Dr Vikneswaran tidak mengesyorkan plaintif diletakkan di pusat jagaan. Selanjutnya Dr Gunasekaran dalam laporan pakarnya ('D3') turut tidak mencadangkan plaintif diletak di pusat jagaan.

[28] Mahkamah ini menggunakan multiplicand yang sama iaitu RM1,200 sebulan. Mahkamah ini membenarkan kos jagaan untuk pasca perbicaraan RM1,200 x 236 bulan = RM283,200 tanpa kadar faedah.

[29] Mahkamah ini mengakaskan keputusan Tuan HMS itu yang memberikan kos jagaan sebanyak RM838,800.

MULTIPLIER SEBANYAK 262 BULAN UNTUK KOS JAGAAN

[30] Tuan HMS itu dalam penghakimannya bersetuju dengan multiplier yang dihujahkan oleh peguam plaintif yang terpelajar iaitu jangka hayat seorang lelaki ialah 74.5 tahun. Multiplier 74.5 tahun – 39 tahun = 25.3 tahun.

[31] Mahkamah ini berpendapat jangka hayat rakyat Malaysia ada dinyatakan dalam D15. Dalam tahun 2014, jangka hayat bagi lelaki Malaysia ialah 72.5 tahun. Semasa kemalangan plaintif berusia 39 tahun sembilan bulan. Mahkamah ini bersetuju daripada jumlah itu perlu ditolak untuk 'contingencies' mengikut rukun undang-undang yang mantap (sila rujuk nas-nas berikut iaitu *Chandra Sekaran Krishnan Nair & Anor v Ayub Mohamed & Anor* [1994] MLJU 82; [1994] 1 LNS 249; *Zainab bte Ahmad lwn Keretapi Tanah Melayu Bhd* [2000] 5 MLJ 620; [2000] 2 CLJ 117; *Nazori bin Teh & Anor v Tay Lye Seng & Anor* [1995] MLJU 154; [1995] 4 CLJ 740). Berpandukan nas-nas yang dinyatakan sebelum ini, mahkamah ini berpendapat multiplier 72 tahun 6 bulan – 39 tahun 9 bulan tolak 1/3 = 262 bulan.

KEHILANGAN PENDAPATAN

[32] Tuan HMS itu dalam penghakimannya (RRT — ms 14) telah memutuskan pendapatan plaintif RM85 sehari dan bilangan bekerja 20 hari sebulan. Pendapatan plaintif RM85 x 20 hari = RM1,700. Tuan HMS itu memberikan tolakan 1/3 untuk perbelanjaan diri. Tuan HMS itu telah memutuskan multiplier 55 – 39 = 8 tahun. Tuan HMS itu membenarkan kehilangan pendapatan RM85 x 20 hari x 8 tahun – 1/3 = RM108,000.

[33] Peguam plaintif yang terpelajar dalam hujahannya menyokong keputusan Tuan HMS itu yang memberikan kehilangan pendapatan RM108,000.

[34] Sebaliknya peguam defendan yang terpelajar menghujahkan kadar RM85 sehari dipersetujui. Walaupun begitu, jumlah hari bekerja dihujahkan 13.5 hari sebulan berbanding keputusan Tuan HMS itu 20 hari sebulan.

[35] Pihak-pihak juga bersetuju tolakan 1/3 diberikan daripada jumlah

pendapatan plaintif (rujuk nota keterangan RR — ms 39).

[36] Mahkamah ini telah meneliti keterangan majikan plaintif iaitu Lew Choon Min ('SP3'). SP3 dalam keterangannya mengesahkan plaintif bekerja dengan LCM Maju Jaya Enterprise sebelum tarikh kemalangannya. SP3 telah mengesahkan plaintif bekerja sebagai plaster dinding sebagaimana surat P7. SP3 mengesahkan plaintif bekerja tidak tetap mengikut keperluan. SP3 walaupun menyatakan bekerja enam hari seminggu, plaintif sendiri dalam keterangannya mengakui hari bekerja tidak tetap dan ada waktu beliau tidak bekerja. Mahkamah ini merujuk keterangan plaintif di ms 38 RRT yang menyatakan:

> Q: Saya cadangkan kerja kamu tidak tetap. Kadang-kadang ada kerja. Kadang-kadang tidak kerja.
>
> *A: Benar.*

[37] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam defendan yang terpelajar iaitu tempoh plaintif bekerja tiga hari seminggu atau 13.5 hari sebulan dan bukannya 20 hari sebulan sebagaimana yang diputuskan oleh Tuan HMS itu dalam penghakimannya. Pendapatan plaintif sebulan RM85 x 13.5 = RM1,147.50 tolak 1/3 = RM765.

[38] Mahkamah ini bersetuju *multiplier* 55 – 39 = 8 tahun (96 bulan).

Pra perbicaraan

[39] Mahkamah ini membenarkan RM765 x 26 bulan = RM19,890 berserta kadar faedah 2.5% setahun mulai tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman.

Pasca perbicaraan

[40] RM765 x 70 bulan = RM53,550 tanpa kadar faedah.

KESIMPULAN

[41] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan rayuan defendan atas isu tanggungan iaitu plaintif bertanggungan 90% dan defendan bertanggungan 10% dalam kemalangan yang berlaku.

[42] Mahkamah ini turut membenarkan rayuan defendan atas kuantum terhad kepada perkara-perkara yang disentuh dalam penghakiman ini. Kuantum yang lainnya dberikan oleh Tuan HMS itu disahkan.

[43] Mahkamah ini menolak rayuan silang oleh plaintif atas isu liabiiti dan kuantum (lampiran (7)).

[44] Mahkamah ini memerintahkan kos ditanggung oleh masing-masing.

Keputusan HMS diakas, rayuan perayu dibenarkan dan rayuan silang responden atas isu liabiliti dan kuantum ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar